

Headline **3 firma bekerjasama bangun cip IC**
Date **21 Mar 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **163 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,181**
PRValue **21,543**



3 firma bekerjasama bangun cip IC

USAINS Infotech Sdn Bhd (UISB) menjalinkan kerjasama dengan MIMOS Bhd dan Silterra Sdn Bhd (Silterra), bagi membangunkan reka bentuk cip elektronik bersepadu (IC) untuk keperluan industri elektronik tempatan.

Di bawah kerjasama itu, UISB sebagai badan bertanggungjawab menguruskan Pusat Kecemerlangan Elektrik dan Elektronik (CoE) di bawah Agensi Pelaksana Koridor Utara (NCIA), akan mewujudkan sebuah program pengurusan bagi reka bentuk prototaip IC untuk pelanggan dengan bantuan MIMOS dan Silterra.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq, berkata Silterra dan CoE akan bekerjasama bagi memastikan kejayaan pelaksanaan perkhidmatan reka bentuk IC untuk pelanggan yang terdiri daripada firma tempatan dan antarabangsa.

"Menerusi kerjasama ini juga, MIMOS dan CoE mampu menarik sumber ekonomi dan meningkatkan kapasitinya untuk sebarang pelaksanaan projek IC pada skala yang lebih besar di Wilayah Ekonomi Koridor Utara," katanya selepas majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi kerjasama itu di Georgetown baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan Syari-



Redza Rafiq

kat Usains, Datuk Dr Gan Ee Kiang; Ketua Pegawai Eksekutif Silterra, Dr Kamarulzaman Mohamed Zin dan Ketua Pegawai Operasi MIMOS, Abdul Aziz Abdul Kadir.

Redza berkata, kerjasama berkenaan adalah antara langkah awal NCIA menarik penyertaan sektor swasta terutama pelbagai firma yang terbabit dalam reka bentuk IC untuk beroperasi di rantau ini.

Katanya, ia juga dapat meningkatkan kapasiti dan menambah nilai pengusaha industri elektrik dan elektronik tempatan, di samping mempelbagaikan sumber ekonomi di NCER.

"Semua inisiatif yang dilaksanakan sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi bagi mengubah status Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya.